

Headline	Tarif baru tampung peningkatan kos		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	367 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,131		



Tarif baru tampung peningkatan kos

Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan melaksanakan semakan semula tarif elektrik berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 ini.

Menurut maklumat yang diperolehi menerusi laman sesawang TNB, secara umumnya purata tarif baru bagi semua kategori tarif elektrik ialah 38.53 sen/kWj. Ia bersamaan peningkatan 14.89 peratus berbanding tarif sebelumnya iaitu pada kadar 33.54 sen/kWj.

Berdasarkan maklumat itu juga, tarif elektrik perlu diselaraskan bagi menampung peningkatan kos pembekalan elektrik disebabkan peningkatan harga bahan api utama penjanaan elektrik iaitu gas asli domestik, gas cecair asli import dan arang batu.

Di samping itu, tarif asas TNB juga perlu disemak semula.

4.99 sen/kWj

Kadar purata tarif elektrik di Semenanjung dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWj atau sebanyak 14.89 peratus berdasarkan kepada kesan penyelarasan harga gas domestik

kepada RM15.20/MMBtu (harga lama RM13.70/MMBtu), kesan penetapan harga gas asli cecair LNG import pada harga RM41.68/MMBtu atau 3.41 sen/kWj (kenaikan 10 peratus); kesan penyelarasan harga arang batu import pada harga USD87.5/tan atau 0.17 sen/kWj (kenaikan 0.51 peratus); dan semakan tarif asas TNB iaitu kenaikan 2.69 peratus atau 0.90

sen/kWj daripada kadar purata tarif semasa.

Kini 94.8 peratus loji jana kuasa di Semenanjung menggunakan campuran bahan api gas dan arang batu manakala selebihnya menggunakan sumber hidro dan tenaga boleh baharu.

Kenaikan purata bagi kategori pelanggan utama TNB ialah domestik, 31.66 sen/kWj (meningkat 10.6 peratus berbanding tarif sebelumnya 28.63 sen/kWj); perindustrian 36.15 sen/kWj atau peningkatan 16.85 peratus daripada 30.94 sen/kWj dan komersial 47.92 sen/kWj iaitu peningkatan 16.85 peratus daripada 41.01 sen/kWj.

Bagaimanapun bagi pelanggan domestik yang menggunakan bawah 300kWj tidak akan mengalami sebarang kenaikan dan akan terus menikmati kadar sedia ada iaitu 21.80 sen/kWj bagi penggunaan 0-200 kWj (kadar ini tidak berubah sejak 1997), manakala 33.40 sen/kWj bagi penggunaan bulanan 201-300 kWj (kadar ini juga tidak berubah sejak 2009).

4.56 juta tak terjejas

Sejumlah 3.25 juta pengguna 0-200 kWj dan 1.31 juta pelanggan 201-300 kWj terbabit dengan jalur penggunaan domestik. Berikutan itu, seramai 4.56 juta atau 70.76 peratus pelanggan domestik tidak terjejas dengan kenaikan tarif yang baru itu.

Secara mudahnya, pelanggan dengan bil bulanan RM77 dan ke bawah tidak akan mengalami se-

barang kenaikan tarif.

Kini jumlah pelanggan domestik TNB ialah 6.45 juta orang di seluruh negara.

Sementara itu, rebat Kerajaan kepada pengguna domestik yang menggunakan elektrik sehingga RM20 sebulan masih dikekalkan dan ia membabitkan sejuta pelanggan domestik.

TNB juga memberi diskaun 10 peratus kepada pelanggan sekolah kerajaan dan institusi pengajian tinggi, institusi pendidikan yang dibiayai spara kerajaan, rumah ibadat dan rumah kebajikan berdaftar dengan kerajaan. Jumlah diskaun 10 peratus juga diberi kepada hospital pengajar universiti yang dibiayai sepenuhnya kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran seperti Hospital USM, UKM dan UM.

Penyelarasan semula kadar tarif elektrik di Semenanjung akan menjadikan kutipan daripada pengguna elektrik meningkat daripada satu peratus kepada 1.6 peratus berkuat kuasa 1 Januari ini.

Kali terakhir semakan semula tarif asas TNB dilaksanakan pada Jun 2011.

Biarpun TNB mendapat keuntungan agak baik iaitu keuntungan bersih sebelum kadar tukaran wang RM4.12 bilion bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Ogos lalu, namun keuntungan ini tidak dapat menampung tanggungan tahunan kerana pulangan TNB lebih rendah daripada perbelanjaan modal.

Headline	Tarif baru tampung peningkatan kos		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	367 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 37,131		

